

# PM lancar pameran RMK-9

BH - 14/11/2006

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam melancarkan pameran Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), yang diadakan bersempena Perhimpunan Agung Umno yang bermula hari ini.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, pameran berkenaan diadakan bagi membolehkan rakyat lebih memahami hala tuju negara dan bergerak bersama menjayakan Misi Nasional.

Beliau berkata, selain di kalangan perwakilan, pemahaman mengenai rancangan lima tahun negara itu wajar juga diketahui ahli dan pemimpin peringkat cawangan dan bahagian seluruh negara.

"RMK-9 penting untuk semua terutama Umno kerana parti ini memperjuangkan masa depan negara yang lebih maju untuk kemakmuran rakyat.

"Malah, Umno ada peranan menayakan rancangan penting ini pada semua peringkat dan semua ahli sama ada di bandar, daerah atau kampung perlu menjadi mata dan telinga kerajaan untuk memastikan projek dirancang dapat dilaksanakan sebaik mungkin dan menepati matlamatnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran pameran itu yang diadakan di Aras 3, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Pameran yang pertama kali diadakan ini memaparkan lima teras di bawah Misi Nasional serta ketiga-tiga koridor pembangunan wilayah, masing-masing Iskandar, Utara dan Timur yang memberi penjelasan mengenai bagaimana kerajaan merangka sesuatu aktiviti pembangunan untuk jangka panjang.

Pameran bertema Kita Ada Misi - Bersama Ke Arah Cemerlang, Gemilang dan Terbilang itu turut mengadakan lapan kuiz mengenai RMK-9 dan akan diserikan dengan kehadiran beberapa selebriti terkenal seperti Datuk Siti Nurhaliza Tarudin, Alex Yoong, calon angkasawan dan pendaki Gunung Everest serta tokoh korporat.

Terdahulu, Abdullah turut melancarkan pameran dan buku bertajuk *Penitianku - Catatan Peribadi Tun Abdul Ghafar Baba* yang mengisahkan perjuangan bekas Timbalan Presiden

Umno itu.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yacop dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi.

Abdullah juga mengucapkan tahniah kepada agensi kerajaan yang bekerjasama untuk memastikan pameran RMK-9 itu menjadi realiti pada perhimpunan kali ini dalam usaha untuk mencapai matlamat rancangan yang berakhir 2010 itu.